



# Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2015



*Linking your dreams*  
LINTEC Corporation

### Asas bagi kegiatan CSR ialah, semangat ‘Keikhlasan dan Kreativiti’.

Sebagai syarikat peneraju dalam bidang material perekat, Kumpulan LINTEC menyediakan pelbagai jenis produk yang lahir daripada kepakaran khususnya, seperti kepakaran aplikasi perekat dan pembaharuan permukaan, kepada masyarakat. Di bawah dasar syarikat iaitu “Keikhlasan dan Kreativiti”, syarikat ini meneruskan pertumbuhan yang dipacu oleh “Pembuatan barang” yang ikhlas dan kreatif, dan menurut prestasi keseluruhan tahunan bagi penggal bulan Mac tahun 2015, dengan dibantu oleh situasi yang baik dalam industri berkaitan elektronik dan pencahayaan serta kesan daripada nilai yen yang murah, kami telah berjaya mengekalkan pertambahan pendapatan dan keuntungan berbanding tahun lepas.

Kami berfikir bahawa, bagi kami, “Keikhlasan dan Kreativiti” ialah, semangat yang ada pada asas rancangan-rancangan dalam kegiatan CSR kami. Aktiviti CSR “Defensif” yang menjadi asas kegiatan industri seperti pematuhan undang-undang, urusniaga jujur, dan penyediaan persekitaran kerja yang mesra pekerja bagi sesiapa sahaja adalah, semangat “keikhlasan” yang diusahakan dengan sepenuh hati dalam setiap kerja. Manakala, bagi kegiatan CSR “Ofensif” yang merangkumi pembuatan produk yang menyumbang kepada penaiktarafan dan penyelesaian isu kemasyarakatan pula, tanpa dibelenggu oleh contoh-contoh lepas, ia sentiasa menjadikan semangat “kreativiti” dalam perancangan dan penaiktarafan sebagai tenaga pemacunya.

### Untuk memacu kegiatan CSR dengan lebih lagi, kami akan memperkuatkan kedua-dua “Defensif” dan “Ofensif”.

Kumpulan LINTEC telah menyatakan 5 tema penting dalam Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan “LINTEC INNOVATION PLAN 2016 (LIP-2016)” yang bermula pada tahun 2014, iaitu “Memacu perkembangan global”, “Penghasilan produk baru dan revolusioner yang menyokong era seterusnya”, “Transformasi ke arah sistem pengurusan yang kukuh dan tahan lama”, “Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik”, dan “Pembangunan sumber manusia”. Di dalam “Perkembangan global”, kami meletakkan matlamat pengurusan untuk merealisasikan

“kenaikan peratusan jualan di luar negara sebanyak 40% atau lebih” serta menjadikan ia sebagai tugas kami yang paling penting. Bagi mengiringi perluasan lingkungan industri untuk mencapai matlamat ini, pada tahun 2014, kami telah mencurahkan tenaga bagi menyediakan sistem pentadbiran.

Kumpulan LINTEC merancang penambahan cawangan produksi/jualan bagi memperkuuh serta melebarkan industri kami di rantau ASEAN serta India. Pada bulan Januari 2015, sebagai syarikat penggabungan rantau ASEAN yang bertujuan untuk memudahkan perancangan dan perlaksanaan strategi industri di rantau berkenaan, menggunakan sumber pengurusan secara berkesan, serta memperkuuh pentadbiran, LINTEC ASIA PACIFIC REGIONAL HEADQUARTERS PRIVATE LIMITED (Syarikat LAP) telah ditubuhkan di Singapura.

Tambahan pula, bagi mematuhi pindaan Akta Syarikat pada Mei 2015 yang memperkenalkan “Syarikat Penubuhan Jawatankuasa Pengauditan\*1”, kami memperkenalkan sistem yang merancang penambahkuatan kebolehan audit/pengawasan majlis eksekutif, dan penguatan secara menyeluruh pentadbiran korporat.

Tetapi, penyediaan dari sistem sahaja tidak mencukupi, bahkan apa yang mesti dilakukan untuk memperkuuh pentadbiran, menurut kami, adalah menaikkan kesedaran tiap-tiap pekerja. Di sini, untuk merancang kenaikan kesedaran berkenaan CSR bagi semua pekerja, Bilik Pemacu CSR akan melawat setiap cawangan di dalam dan luar negara, dan mengadakan perjumpaan belajar CSR. Kami telah berusaha untuk mengukuhkan kesedaran tentang “LINTEC WAY” yang menjelaskan tentang sifat yang harus ada pada pekerja Kumpulan LINTEC yang lahir daripada Moto Syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti”. Melihat kepada banyaknya komen-komen yang positif seperti “telah menjadi rujukan”, “menjadi pembelajaran” dan “ingin berkongsi bersama keluarga” pada soal selidik peserta perjumpaan belajar, kami dapat merasakan bahawa kesedaran CSR bagi setiap mereka benar-benar meningkat, dan kami berasa amat gembira.

Langkah seperti ini adalah, sesuatu yang menguatkan CSR “Defensif” yang lahir daripada semangat “Keikhlasan”, dan kami merasakan bahawa ia berkait dengan penguatan asas yang berdasarkan kepada perjalanan aktiviti CSR selepas ini.

Manakala, langkah simbolik untuk CSR “Ofensif” yang lahir daripada semangat “Kreativiti” pula adalah, “Penghasilan produk baru dan revolusioner yang menyokong era baru” yang merupakan salah satu tema penting dalam

**Dengan semangat “Keikhlasan dan Kreativiti”, kami akan meneruskan kegiatan CSR “Defensif” dan “Ofensif”, serta berusaha sedaya upaya bagi kepentingan masyarakat dan manusia.**

"LIP-2016". Ini adalah, tema yang sangat penting bagi meneruskan kegiatan industri Kumpulan LINTEC selepas ini, dan juga menyumbang kepada masyarakat. Hakikatnya, sambil melihat ke masa hadapan dan bertindak balas terhadap perubahan masyarakat, kami juga berfikir bahawa sikap tentang penyelidikan bagi membina kepakaran LINTEC yang khusus dan tiada yang sepertinya adalah perlu, dan yang paling penting sekali ialah, kerjasama dalam organisasi.

Sebagai langkah yang berhubung dengan tema ini, pada bulan Ogos dan September 2014, kami telah mengadakan bengkel CSR. Dalam bengkel berkenaan yang mengumpulkan peserta-peserta dari seluruh organisasi dan dari setiap bahagian, serta membincangkan tentang masa depan Kumpulan LINTEC dari sudut pandangan isu kemasyarakatan, kami telah melahirkan wawasan menuju ke arah imej LINTEC yang ideal, dan juga komunikasi antara bahagian. Sebagai satu langkah ke arah penghasilan produk yang bermatlamat menyelesaikan isu kemasyarakatan yang belum dapat diselesaikan oleh produk sedia ada, kami akan meneruskan gerak kerja ini.

#### Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan "LIP-2016"

(1 April 2014 ~ 31 Mac 2017)

##### Polisi asas

Mengembalikan jalan pertumbuhan dengan pengurusan agresif dan inovasi berterusan

##### Tema Penting

1. Memacu perkembangan global
2. Penghasilan produk baharu dan revolusioner yang menyokong era seterusnya
3. Transformasi ke arah sistem pengurusan yang kukuh dan tahan lama
4. Implementasi M&A (Penggabungan dan Pemerolehan) yang strategik
5. Pembangunan sumber manusia

#### Kami akan menetapkan materialiti (isu penting) dan menjalankan persediaan sistem dan pembuatan indeks.

Pada tahun 2014, Kumpulan LINTEC telah mengenalpasti kesan positif/negatif terhadap masyarakat dan alam sekitar, membahaskan tentang

pendapat pemegang kepentingan dalam dan luar syarikat, dan menetapkan materialiti. Setelah ini, kami akan membuat Indeks Langkah Penting (KPI)\*<sup>2</sup> bagi setiap perkara yang ditetapkan, dan meneruskan persiapan sistem bagi mencapai matlamat.

Kami juga ingin memutarkan kitaran PDCA bagi kegiatan CSR berpandukan kepada materialiti.

Walaupun langkah-langkah ini baru saja dimulakan, setelah ini, dalam proses menyemak semula materialiti, kami berharap dapat menghubungkannya dengan bukan sekadar CSR beraspek "Defensif", bahkan juga dengan CSR beraspek "Ofensif" iaitu pertumbuhan industri dan penghasilan produk baru.

**Dengan berpandukan "baik buruk" dan bukan "untung rugi", kami akan berusaha sedaya upaya untuk manusia dan masyarakat.**

Seperti yang dinyatakan tadi, asas kegiatan CSR Kumpulan LINTEC ialah moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti", dan kami sentiasa berkata kepada pekerja kami untuk "mengambil tindakan sebagai seorang insan dengan sepenuh hati". Setiap pekerja, dengan menggunakan bukan "untung rugi" sebaliknya "baik buruk" sebagai asas panduan, haruslah sentiasa, dengan memegang kesedaran terhadap kegiatan CSR, berusaha sedaya upaya untuk kepentingan dunia dan manusia. Ini adalah pegangan yang mestilah dikongsi semua pekerja, merentasi sempadan negara, budaya dan agama. Malahan, semangat CSR kami tidak mengenal erti sempadan negara. Supaya Kumpulan LINTEC terus kekal sebagai syarikat yang mencapai pertumbuhan berterusan, setelah ini, semua pekerja syarikat akan bersatu tenaga untuk memacu kegiatan CSR yang lahir daripada "Keikhlasan dan Kreativiti", dan memenuhi harapan semua pemegang kepentingan.

Laporan ini telah menyimpulkan aktiviti-aktiviti CSR dan perkembangan syarikat sepanjang 2014 supaya lebih mudah difahami. Dengan itu, kami sentiasa mengharapkan kerjasama dan sokongan anda yang tidak putus.

\*1 Syarikat Penubuhan Jawatankuasa Pengauditan: → lihat P12.

\*2 Indeks Langkah Penting (KPI): → lihat P4.



**Hiroyuki Nishio**  
Pengarah Wakil, Presiden,  
Ketua Pegawai Eksekutif dan  
Ketua Pegawai Operasi  
LINTEC Corporation

# Penetapan★ Materialiti (Isu Penting)

Kumpulan LINTEC telah memenuhi permintaan dari pemegang kepentingan dan memacu kegiatan CSR, dan menetapkan materialiti bagi Kumpulan LINTEC.

## ● Menetapkan Materialiti Bagi Perancangan Seluruh Kumpulan.

Bagi membangunkan Kumpulan LINTEC secara berterusan bersama-sama masyarakat, kami berfikir bahawa adalah penting untuk berbincang dengan masyarakat dan memenuhi permintaan mereka. Pada GRI "Panduan Kelestarian/Laporan" cetakan 4 (G4), bagi syarikat ini dan juga para pemegang kepentingan, menunjukkan maklumat yang telah dipilih berdasarkan kematerialan (ketinggian kepentingan) mereka telah menjadi sesuatu yang dikehendaki dengan lebih menyeluruh. Dengan latar belakang arah aliran pada peringkat global ini, pada tahun 2014, kami telah meminta pendapat daripada para pemegang kepentingan, dan menetapkan materialiti.

Kami akan mengembangkan materialiti yang ditetapkan ke arah kegiatan dari sudut pandangan jangka panjang. Tambahan pula, kami akan memacu penentuan Indeks Langkah Penting (KPI)\*1, dan merancang memutarkan pusingan PDCA kegiatan. Tambahan lagi, dengan mengikut keperluan berdasarkan perubahan masyarakat dan status perjalanan kegiatan, kami akan merancang semakan semula materialiti yang telah ditetapkan.

Setelah ini, di bawah "Moto Syarikat" dan "Doktrin Pengurusan", kami akan berusaha sebagai sebuah kumpulan dengan tema yang telah ditetapkan.

## ● Proses Penetapan Materialiti

### Langkah 1

#### Pengeluaran Isu Berkaitan CSR Yang Patut Diperiksa

Mula-mula, kami menyusun isu daripada bingkai kerja ISO26000, 46 segi G4, dan institusi penyelidikan CSR. Di sini, kami mengambil kira tentang tema yang memberi kesan kepada masyarakat, alam sekitar dan pemegang kepentingan dalam bengkel yang dijalankan oleh pekerja kumpulan, hasil tanda aras syarikat lain, dan penilaian industri Kumpulan LINTEC, serta memilih 64 perkara "Isu Berkaitan CSR" yang patut diselidik.

### Langkah 2

#### Penetapan susunan keutamaan

Terhadap perkara-perkara yang dipilih, bagi setiap perkara, kami mengambil kira tentang kegiatan setakat ini dan sasaran kegiatan seterusnya, dan menetapkan susunan keutamaan di dalam syarikat. Tambahan pula, sambil kami menggunakan perkara-perkara dan soalan-soalan oleh institusi penyelidikan berkaitan dengan kelestarian CSR sebagai susunan keutamaan luar syarikat kami, kami juga mendapatkan penilaian perkara-perkara, berdasarkan bahan bacaan yang menyimpulkan latar belakang kegiatan kami dan sebagainya, daripada orang-orang di luar syarikat yang mempunyai kepakaran dan kaitan dengan kegiatan syarikat ini. Kami menilai dan menganalisa kedua-dua sudut pandangan dari dalam dan luar syarikat, dan menetapkan materialiti.

### Langkah 3

#### Pemastian kesesuaian

Tentang materialiti yang ditetapkan, sambil mendapatkan pemastian daripada pakar-pakar yang telah memberikan penilaian pada Langkah 2 berkenaan lingkungan kesan-kesan (sempadan) dan kesesuaian tindak balas/sasaran seterusnya, kami juga telah mendapat penilaian dan perakuan oleh pengurus syarikat yang merupakan pembuat keputusan tertinggi kami berkenaan CSR.

### Langkah 4

#### Rujukan semula

Dalam laporan CSR, kami menunjukkan proses serta materialiti yang telah ditetapkan. Kami akan menjalankan rujukan semula kegiatan, dan melakukan semakan semula mengikut keperluan.




\*1 Indeks Langkah Penting (KPI): Key Performance Indicator Indeks penting berkaitan dengan strategi organisasi yang ditetapkan untuk mengukur secara tetap status pencapaian matlamat.

Indeks Prestasi yang bertanda ★ menandakan bahawa ia menerima perakuan pihak ketiga daripada Syarikat SGS Japan.

## Peta Materialiti

Pada Langkah 2, kami membuat pemetaan dengan menjadikan "Kepentingan bagi LINTEC" dan "Kepentingan bagi pemegang kepentingan" yang berdasarkan kepada kedua-dua materialiti yang dibuat dari sudut pandangan dalam dan luar syarikat sebagai paksi.

Berkeraan dengan perkara 15 di bawah, kami memutuskan Indeks Langkah Penting (KPI), dan merancang untuk menjalankan penilaian kegiatan kami dari tahun ke setahun. Tambahan pula, bagi perkara yang tidak dirangkumkan di bawah, kami akan meneruskan kegiatan sebagaimana sebelumnya sebagai perkara material Kumpulan LINTEC.



Materialiti		Lingkungan sasaran (sempadan)		Latar belakang pemilihan
		○ adalah berkenaan		
Dalam syarikat	Luar syarikat			
Sumbangan pada aspek industri	Pembinaan model bisnes produksi dan penggunaan tempatan di negara-negara membangun.	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Kami meluaskan kebolehgunaan produk perekat, menyediakan perekat yang berguna kepada negara membangun, dan mengambil sikap mementingkan kualiti produk dalam menjalankan perluasan global kami. Adalah perlu untuk mencipta permintaan di pasaran tempatan, memacu pembekalan di pasaran tempatan secara keseluruhan dan merancang perluasan mengufuk model bisnes.
	Perluasan ke bidang baharu	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dengan menyedari kekuatan dan kelemahan daya kepakaran dan penyelidikan semasa, kami merancang perluasan ke bidang baru yang memberi respon kepada keperluan pelanggan global dan isu kemasyarakatan. Adalah perlu juga untuk mengambil kira tentang sifat kemasyarakatan (keselamatan, kualiti, harga) melalui perbincangan dengan pemegang kepentingan.
Pentadbiran organisasi	Pengurusan pentadbiran global	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dari segi membangunkan industri secara global, adalah perlu untuk membangun sistem pengurusan global yang strategik dan lebih tinggi daripada taraf yang dikehendaki undang-undang/peraturan setiap negara, membahagikan tugas antara pelaksana dan pengaudit, meneruskan penjelasan polisi, dan merancang penggunaan.
Alam Sekitar	Penggunaan sumber secara efektif	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dengan menggunakan sumber fosil, pulpa dan air, penghabisan sumber asli akan membawa kesan yang mungkin berkekalan kepada masyarakat. Tambahan pula, sumber yang tidak lagi boleh didapat secara tetap kerana pembangunan juga ada, dan kerana itu, penggunaan yang menjamin jumlah penggunaan dan efektif sedang dicari.
	Pengurangan pelepasan bahan cemar ke atmosfera	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Bahan cemar yang dilepaskan ke atmosfera seperti gas rumah hijau, bahan perosak lapisan ozon, VOC dan lain-lain, membawa kesan kepada bumi secara keseluruhannya dan kerana itu pengurangannya adalah dikehendaki. Adalah perlu untuk mengambil langkah strategik seperti pengurusan jumlah keseluruhan.
	Sumbangan dari aspek alam sekitar melalui produk dan perkhidmatan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Daripada pembangunan kepada pembuatan, ketika penggunaan produk dan pembuangan, keperluan untuk mengambil kira alam sekitar meninggi, dan pengurusan LCA*2 adalah perlu dan tidak boleh dielakkan. Adalah perlu untuk mengambil kira dari segi produk yang dibekalkan kepada pelbagai sektor.
	Tindak balas pematuhan aspek alam sekitar	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Peraturan alam sekitar adalah berbeza bagi setiap rantau dalam sasaran dan kaedah peraturannya. Selesa ini, untuk respon kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pencemaran atmosfera, air, bunyi dan gegaran di negara maju dan membangun, pemahaman dan tindak balas terhadap sistem yang tepat adalah difikirkan perlu.
Budaya kerja	Tindak balas terhadap keselamatan dan kebersihan kerja	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Pemahaman dan tindak balas terhadap situasi, tidak sekadar berkenaan keselamatan dan kebersihan kerja, bahkan juga merangkumi pembekalan negara membangun yang utama adalah dikehendaki. Tindak balas terhadap kesihatan mental juga menjadi penting.
	Merealisasikan kepelbagaiian di tempat kerja	<input type="radio"/>	—	Bagi mencipta tempat kerja yang mesra pekerja, adalah penting untuk mengambil kira tentang kepelbagaiian (jantina, minoriti, LGBT*3 dan sebagainya) dan untuk memberi kelebihan dalam persaingan dari segi pengurusan, adalah perlu untuk menyediakan polisi yang bermatlamat merealisasikan kepelbagaiian.
	Menaikkan taraf kepuashatian para pekerja	<input type="radio"/>	—	Bagi syarikat ini, pekerja adalah pemegang kepentingan yang penting. Pertumbuhan jangka panjang syarikat adalah bergantung kepada para pekerja yang bekerja dengan penuh bangga, dan kepuashatian yang tinggi.
Masyarakat	Perlaksanaan usaha wajar*4 hak manusia	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Kerana pembekalan tersebut di serata global, dan seterusnya memahami risiko hak manusia pada pembekalan, supaya seluruh SCM*5 dapat melindungi hak manusia, penyediaan sistem pendidikan/pengauditan kepada pihak-pihak yang berkaitan adalah penting.
	Tindak balas kepada pematuhan aspek kemasyarakatan	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Bagi undang-undang dan peraturan berkaitan aspek kemasyarakatan, sasaran dan kaedah peraturan adalah berbeza bagi setiap rantau, dan kerana itu, pemahaman terhadap sistem yang tepat adalah perlu. Adalah perlu untuk bekerjasama dan menyediakan sistem pengurusan yang global dan menyimpulkan semua keadaan di setiap negara.
	Tindak balas kepada pematuhan aspek produk	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Bagi undang-undang dan peraturan berkaitan produk, bahan sasaran dan kaedah peraturan adalah berbeza bagi setiap rantau, dan kerana itu, pemahaman terhadap sistem yang tepat adalah difikirkan perlu. Pembekalan produk secara tetap, pengoptimuman pengurusan kualiti dan pemacuan naik taraf perkhidmatan adalah sesuatu yang wajib ada.
	Sumbangan kepada penggunaan yang lestari	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Sebagai pembuat bahan mentah yang berkait dengan paparan pelbagai produk, untuk membantu pemilihan pembelian yang penting oleh pengguna, merealisasikan label paparan yang sesuai untuk apa-apa kegunaan, penjelasan maklumat, dan pembangunan produk yang mengambil kira para pengguna adalah dikehendaki.
	Merealisasikan simbiosis dengan komuniti serantau	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	Dalam memacu perkembangan global, titik pertembungan dengan komuniti rantau bertambah. Adalah perlu untuk menyedari bahawa syarikat adalah disokong oleh rantau dan masyarakatnya, serta merupakan sebahagian dari masyarakat, dan menjalankan kegiatan yang menyumbang dalam pelbagai bentuk bagi merancang simbiosis dengan masyarakat.

\*2 LCA: → Singkatan bagi 'Life Cycle Assessment'. Kaedah mengira jumlah tenaga, air, dan sumber yang digunakan serta CO<sub>2</sub>, dan bahan kimia toksik yang dikeluarkan sepanjang keseluruhan kitaran hidup produk, untuk menilai secara keseluruhan kesan terhadap alam sekitar.

\*3 LGBT: Akronim bagi Lesbian (orang yang suka sama jantina perempuan), Gay (orang yang suka sama jantina lelaki), Biseksual (orang yang suka kedua-dua jenis jantina) dan Transgender (pengidap sindrom Gangguan Identiti Seksual), salah satu nama am bagi minoriti seksual.

\*4 Usaha Wajar Hak Manusia: Proses di mana organisasi bukan sekadar menghormati undang-undang, bahkan untuk mengelak bahaya pelanggaran hak manusia, menjalankan proses yang mengendalikan perkara demikian (ISO26000 6.3.3 Isu Berkaitan Hak Manusia 1).

Ini adalah berdasarkan kepada bingkai kerja "Perlindungan, Penghormatan dan Penyelamatkan" pada "Prinsip Panduan Berkaitan Bisnes dan Hak Manusia" yang dikehendaki sebagai tindak balas secara global.

\*5 SCM: Pengurusan Rantauan Bekalan Pengurusan/penyusunan secara optimum pengaliran siri daripada pengedaran bahan material, melalui produksi, penjualan dan pengedaran kepada pengguna terakhir.


# Aktiviti CSR oleh Kumpulan LINTEC

Asas kepada CSR dalam kumpulan LINTEC ialah moto syarikat ini iaitu 'Keikhlasan' dan 'Kreativiti'. Setiap pekerja menggiatkan aktiviti CSR di bawah moto ini.

## ● Pelaksanaan CSR menerusi perniagaan utama

Perniagaan Kumpulan LINTEC wujud daripada sokongan oleh para pemegang kepentingan. Bagi memenuhi harapan pemegang kepentingan dan menjadi syarikat yang dipercayai, semua pekerja, dengan meletakkan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti" sebagai asas, mengambil "LINTEC WAY", "Sikap Asas CSR", dan "Garis Panduan Model Kegiatan" yang penting bagi mendokong moto syarikat, dan memacu secara proaktif kegiatan CSR.

Tambahan pula, bagi merealisasikan Pelan Pengurusan Penggal Pertengahan "LINTEC INNOVATION PLAN 2016 (LIP-2016)" yang bermula pada April 2014, pengukuhan pengurusan kumpulan adalah perlu, dan kami sedang memacu secara berterusan kegiatan CSR peringkat global. Dalam kumpulan LINTEC, kami berfikir bahawa perjalanan kegiatan CSR adalah berkait langsung dengan pengurusan, dan bagi melaksanakan CSR melalui industri utama kami, pada tahun 2014, kami menjalankan kegiatan CSR secara strategik dalam seluruh kumpulan, seperti menetapkan materialiti (isu penting).



## ● Jalan yang wajar kita lalui- LINTEC WAY

Bagi menyatukan semua pekerja dan sebagai panduan memastikan arah yang dituju adalah sama, Kumpulan LINTEC telah memperbaharui isi 'LINTEC WAY'. "LINTEC WAY" adalah, nilai yang penting dan menyokong moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti", lahir daripada 10 pengetahuan, dan sesuatu yang dijelaskan sebagai sikap yang harus ada pada setiap pekerja.

Pada tahun 2014, dengan menyasarkan penyerapan "LINTEC WAY", kami mengadakan kelas belajar CSR di syarikat kumpulan dalam dan luar negara.

### 5 cara memupuk keikhlasan

- 1 Sentiasa bersikap jujur
- 2 Ketulusan penghubung hati
- 3 Bersama mencipta kegembiraan
- 4 Menjadi orang yang memberi
- 5 Menghargai keluarga dan rakan

### 5 cara memupuk kreativiti

- 1 Kekal tabah hingga berjaya
- 2 Berbangga dengan keunikan
- 3 Fleksibel dengan perubahan
- 4 Berfikir dengan pandang bumi
- 5 Mengaitkan dengan segala kemungkinan

## ● Sikap Asas CSR


Dalam Kumpulan LINTEC, di bawah moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti", dengan menurut 5 sikap asas, kami menjalankan kegiatan kami.

Etika Syarikat/Pematuhan menyeluruh	Keselamatan dan Pencegahan Bencana, Pengekalan Kesihatan
Meningkatkan Kepuashatian Pelanggan (CS)	Sumbangan kepada masyarakat
Mengambil kira tentang alam sekitar	Pengurusan kepentingan pemegang saham/pelabur

## ● Sistem pemacu CSR

Dalam Kumpulan LINTEC, dengan mengikuti sikap asas CSR kami menjalankan kegiatan CSR.

Bilik Perjalanan CSR adalah, sebuah organisasi yang dikawal langsung oleh pengurus syarikat, dan menyokong pemupukan nilai etika yang tinggi dalam seluruh syarikat, penerapan CSR serta kegiatan jawatankuasa CSR. Jawatankuasa tersebut adalah terdiri daripada ahli daripada seluruh organisasi, dan dengan menugaskan setiap jawatankuasa dengan petugas bertanggungjawab bagi gerakan, ia memimpin kegiatan dari sudut pengurusan dan dengan penuh tanggungjawab.



## ● Model Aktiviti Kumpulan LINTEC

### Model Aktiviti

Asas bagi kegiatan syarikat adalah "Pematuhan (Mematuhi Undang-undang)", dan di dalam dan luar negara, Kumpulan LINTEC mematuhi "undang-undang berkaitan" dan juga "peraturan masyarakat" dalam menjalankan kegiatan syarikat.

Kami pekerja dan pegawai Kumpulan LINTEC

1. Sentiasa menyediakan produk dan khidmat yang menyumbang kepada masyarakat.
2. Di antara semua klien, berasaskan kepada prinsip persaingan bebas, menjalankan urus niaga dengan adil dan telus.
3. Dalam semua kegiatan syarikat, sambil menghormati undang-undang dalam dan luar negara, kami juga mengukur diri kami sendiri dengan etika yang tinggi.
4. Menghormati setiap perhubungan dengan semua orang yang berkaitan dengan kegiatan syarikat kami, seperti pemegang saham, pelabur, klien, masyarakat serantau dan para pekerja.
5. Meletakkan isu persekitaran bumi sebagai isu pengurusan yang penting, dan berusaha dengan secara proaktif bagi mengawal dan mengurangkan beban kepada alam sekitar.
6. Sebagai warga dan syarikat yang baik, menjalankan kegiatan yang menyumbang kepada masyarakat secara proaktif.
7. Mengkekalkan hubungan yang jujur dan telus dengan ahli politik dan kerajaan.
8. Menolak anasir anti kemasyarakatan.
9. Dalam situasi yang memerlukan penerimaan dan bertukar-tukar hadiah bersama dengan kegiatan syarikat, melakukan sedemikian dengan secara sederhana dalam lingkungan pertimbangan akal yang berkemasyarakatan.
10. Menguruskan maklumat syarikat dengan sebaik-baiknya, dan memaklumkan maklumat sesuai pada waktu yang sesuai.
11. Sambil mengharapkan kesempurnaan pada pengurusan hak pemilikan intelek, kami menghormati hak pemilikan intelek syarikat lain dan tidak melanggarnya.
12. Menghormati hak manusia dan personaliti setiap pegawai dan pekerja, dan memberi layanan adil, serta berusaha mengekalkan persekitaran kerja.

Diasaskan pada Januari 2003  
Dipinda pada April 2011

## ● Penyertaan ke "UN Global Compact"

Kumpulan LINTEC telah menyertai "UN Global Compact" dari April 2011. Dengan berdasarkan 10 prinsip yang tertera di bawah, kami menjalankan kegiatan industri kami, dan menyumbang terus kepada pembangunan berterusan syarikat.

●Hak manusia	●Alam Sekitar
Prinsip 1: Sokongan dan penghormatan terhadap perlindungan hak manusia	Prinsip 7: Pendekatan bersifat pencegahan masalah alam sekitar
Prinsip 2: Menolak perlanggaran hak manusia	Prinsip 8: Inisiatif bertanggungjawab terhadap alam sekitar
●Standard kerja	Prinsip 9: Pembangunan dan penyebaran kepakaran mesra alam sekitar
Prinsip 3: Mempraktikkan hak penubuhan kesatuan dan hak berkumpul sebagai persatuan	●Pencegahan Korupsi
Prinsip 4: Menolak kerja paksaan	Prinsip 10: Langkah Pencegahan Korupsi Seperti Ugutan dan Rasuh
Prinsip 5: Menolak amalan buruh kanak-kanak	
Prinsip 6: Menghilangkan diskriminasi perlantikan dan pekerjaan	

## ● ISO 26000

"ISO26000" adalah standard bertaraf antarabangsa yang berkaitan dengan tanggungjawab kemaslahakatan pada mana-mana organisasi. Dalam Kumpulan LINTEC, dengan menjadikan 7 tema teras sebagai rujukan, kami menjalankan kegiatan CSR.

	Pentadbiran organisasi		Budaya industri yang adil
	Hak manusia		Isu pengguna
	Budaya kerja		Penglibatan komuniti dan pembangunan komuniti
	Alam Sekitar		

## ● Komunikasi dengan pemegang kepentingan

Bagi memenuhi harapan masyarakat, Kumpulan LINTEC merancang perbincangan proaktif dengan para pemegang kepentingan.

Pelanggan	Menyasarkan untuk menaiktaraf produk dan perkhidmatan, membina hubungan kepercayaan dan meningkatkan taraf kepuashatian pelanggan.	• Mengadakan pameran di dalam dan luar negara • Kaunter pertanyaan dan sebagainya
Klien	Bermatlamat mengadakan urusniaga jujur dan saling memahami, menghormati undang-undang secara keseluruhan, dan membina hubungan kepercayaan.	• Hari Pembekal • Sesi penerangan • Soal selidik dan sebagainya
Masyarakat bumi	Bermatlamat untuk saling memahami dengan masyarakat serantau, dan mengembalikan keuntungan kepada masyarakat.	• Lawatan sambil belajar ke kilang • Majlis bertukar-tukar pandangan • Kegiatan menyumbang kepada masyarakat dan lain-lain
Pekerja	Di bawah moto syarikat, bermatlamat menjadi tempat kerja yang mempunyai tujuan.	• Percetakan majalah komunikasi • Internet dan sebagainya
Pemegang saham/ pelabur	Menyasarkan peningkatan nilai syarikat dan pembangunan hubungan kepercayaan.	• Mesyuarat umum pemegang saham • Mesyuarat IR • Lawatan pelabur luar negara • Percetakan berita pemegang saham "WAVE" • Halaman utama dan sebagainya

# Setiap perasaan terhadap “LINTEC WAY”

Pada tahun 2014, kami mengadakan kelas belajar CSR di setiap cawangan. “LINTEC WAY”, dan nilai penting yang lahir daripada moto syarikat “Keikhlasan dan Kreativiti” yang mendokong kegiatan CSR yang mempunyai rasa perpaduan, akan kami serapkan kepada seluruh pekerja kumpulan dengan tetap. Rencana 1 menyertakan setiap pendapat oleh pekerja individu tentang perasaan mereka terhadap “LINTEC WAY”.

## Keikhlasan

### Sentiasa bersikap jujur

Saya percaya kepada mengambil tindakan tanpa penipuan, berkelakuan dengan jujur, dengan serius dan sepenuh hati.

Akihiko Ouchi  
Pengerusi dan Pengarah Eksekutif



Semua adalah pengetahuan yang penting. Jika berani menaikkannya, perkataan ini yang saya pilih. Saya berfikir bahwa, sebagai seorang insan, saya haruslah tidak lupa untuk berusaha dengan sepenuh hati.

Hiroyuki Nishio  
Pengarah Wakil, Presiden,  
Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi



Bagi mendapat kepercayaan daripada pelanggan, saya percaya kita haruslah sentiasa jujur, dan sentiasa berusaha dengan sedaya upaya.

Gohei Kawamura  
Pengarah Eksekutif Urusan Biasa



Bagi melaksanakan tanggungjawab kemasyarakatan industri (membangun dan bertumbuh secara berterusan), adalah penting untuk terus berfikir dengan jujur tentang keikhlasan.

Makoto Hattori  
Eksekutif



Sekiranya kita hidup dengan jujur dan ikhlas, kita boleh hidup dengan jiwa yang tenang tanpa rasa bersalah.

Liu Yan Hua  
LINTEC (SUZHOU)  
TECH CORPORATION



Adalah perlu untuk bekerja tanpa berpura-pura.

Rosana Alvarado  
LINTEC ADVANCED  
TECHNOLOGIES  
(PHILIPPINES), INC.



Satu perkara yang teramat penting dalam memupuk kualiti produk yang baik adalah, “jujur secara berterusan”.

Neils Bray  
LINTEC OF AMERICA,  
INC.  
Pejabat Chicago



Saya percaya, keikhlasan adalah sesuatu yang membuka hati manusia.

Felix Malabanan  
LINTEC PHILIPPINES  
(PEZA), INC.



Bagi mencipta persekitaran mesra pekerja, bersifat jujur dan mengambil berat tentang keluarga adalah perlu.

Punsub Leksomboon  
LINTEC BKK PTE  
LIMITED



Kerana saya berfikir bahawa ia perlu untuk tanggungjawab sebagai pembuat dan mengekalkan hubungan kepercayaan.

Nobuko Kawashima  
Cawangan Fukuoka



Kerana usaha setiap hari, berkait dengan kenaikan kualiti barang.

Nanako Onodera  
Kilang Kumagaya



Kami dapat membina hubungan baik dan persefahaman sesama pekerja.

Kevin Ingkie  
Barnabas Nassom  
LINTEC INDUSTRIES  
(SARAWAK) SDN. BHD.



Hendaklah berusaha bekerja dengan serius.

Eiji Sonoda  
OSAKA LINTEC KAKO,  
INC.



Kerana keikhlasan adalah, sikap yang paling penting bagi kita.

Akihito Fujiwara  
LINTEC SIGN SYSTEM,  
INC.



Kerana ini adalah motoku!

Mika Yamaoka  
Ibu Pejabat (Bilik Audit)



Saya fikir bahawa ini adalah sesuatu yang sesuai untuk semua benda dan penting.

Megumi Tozaki  
Cawangan Shizuoka



Kerja memang penting, tetapi yang penting sekali adalah terus hidup.

Fumitaka Hato  
Pusat Pemprosesan  
Niihama



Kerana saya ingin menghadapinya tanpa melupakan hati saya yang terhutang budi kepada semua.

Ryuji Takahashi  
Kilang Chiba



## Keikhlasan dan Kreativiti

Bukan daripada pengetahuan, bahkan moto syarikatlah yang saya pilih. Ini adalah perkataan yang dititikberatkan sentiasa oleh pendahulu kami seperti juga kami, dan kami juga perlu meneruskan usaha mereka dengan bersungguh-sungguh.

Shigeru Kawasaki  
Eksekutif Naib  
Pengerusi Syarikat



## Keikhlasan

# Ketulusan penghubung hati

Berfikir dengan lurus dan jelas, dan berusaha dengan jujur adalah prinsip saya.

Hitoshi Asai  
Eksekutif Naib Pengurus Syarikat



Dari sudut perhubungan manusia yang biasa dan penjualan pun, tanpa rasa saling percaya, kejujuran tidak akan lahir. Sekiranya kita memenuhi asas CS (Kepuashatan Pelanggan), saling percaya dan penuh yakin, kita akan menunaskan hati satu sama lain.

Takashi Nakamura  
Pengarah Eksekutif Urusan Biasa



Sekiranya kita ikhlas dan berfikir tentang kedudukan pihak lain, pihak lain juga akan mengembalikan keikhlasan kita.

Toshio Yamamoto  
Eksekutif



Saya mahu sentiasa berfikir tentang tindak balas dengan sepenuh hati saya.

Yurie Miura  
Cawangan Sendai



Saya sentiasa jujur dan lembut dalam menjalankan tugas.

Sarni Pujiyanto  
PT. LINTEC INDONESIA



Saya ingin berinteraksi dengan semua orang secara ikhlas.

Ayaka Ishikawa  
LINTEC COMMERCE,  
INC.



Saya ingin mengutamakan setiap pelanggan saya.

Yosuke Tsuchiya  
LINTEC CUSTOMER  
SERVICE, INC.



Walaupun rantau dan kaum berbeza, saya berasa bahwa keikhlasan manusia adalah dikongsi serata dunia.

Yohei Noguchi  
LINTEC EUROPE B.V.



## Kreativiti

# Berbangga dengan keunikan

Adalah penting untuk bekerja bersama dengan pelanggan, syarikat gabungan dan pembekal.

Joanne Celis  
LINTEC PHILIPPINES  
(PEZA), INC.

Kerana kalau kita tidak unik, kita tidak akan dapat mencipta idea yang baru.

Shigeo Imaji  
Kilang Komatsushima



Idea yang istimewa dan usaha adalah sesuatu yang dimiliki tanpa had oleh semua pekerja.

Yasushi Mima  
FUJI-LIGHT, INC.



## Kreativiti

# Kekal tabah hingga berjaya

Sebagai kedudukan yang mengambil tempat pembuatan, kami menikmati proses pembuatan barang, tidak berkompromi walaupun untuk benda-benda kecil, dan mengutamakan semangat pencarian dan keghairahan.

Koji Koyama  
Pengarah Eksekutif  
Urusan Khas



Saya berfikir bahwa, memahami perubahan zaman dan keadaan pasaran dengan cepat, dan memenuhi harapan pelanggan adalah perkara yang terpenting.

Kazuyoshi Ebe  
Pengarah Eksekutif  
Urusan Biasa



Kegigihan adalah sangat penting dalam bidang kepakaran tahap tinggi.

Derrick Tolly  
NANO-SCIENCE &  
TECHNOLOGY CENTER



Saya berfikir, daripada ujian kepada pemprodukan, kita berjaya menyahut cabaran menghasilkan sesuatu yang tidak mendapat kritikan.

Piyapong Thongsong  
LINTEC (THAILAND)  
CO., LTD.



Terus berusaha tanpa berputus asa adalah jalan pintas yang terbaik menurut saya.

Tomohiro Suzuki  
LINTEC SERVICES, INC.



Dengan menunjukkan kerja yang ikhlas, kejayaan akan tiba!

Le Nguyen  
LINTEC HANOI VIETNAM  
CO., LTD.



Kerana saya tidak ingin berkompromi bagi produk baru yang lebih baik.

Yuki Nito  
Makmal



Jika berjaya mencapai matlamat, kita mampu pergi lebih tinggi.

Stanley Low  
LINTEC SINGAPORE  
PRIVATE LIMITED



Kerana bagi saya "Perekat" adalah LINTEC.

Manami Suenaga  
Cawangan Nagoya



Merealisasikan "Ingin mencuba".

Daiki Ishizue  
Kilang Mishima



## Rencana

Setiap perasaan terhadap “LINTEC WAY”

### Keikhlasan

## Bersama mencipta kegembiraan

Mewujudkan syarikat yang seronok untuk bekerja bersama rakan sejawat.

Ma Haeri  
LINTEC KOREA, INC.



Semua orang adalah aset yang paling bernilai kepada organisasi.

Ankit Gupta  
LINTEC INDIA PRIVATE LIMITED



kerja yang dihargai oleh seseorang adalah kegembiraan bagi diri sendiri.

Daisuke Shimizu  
PRINTEC, INC.



Kepuasan anda adalah keutamaan kami.

Mok Yean Ni  
LINTEC KUALA LUMPUR SDN. BHD.



Peraturan ini hampir sama dengan prinsip saya terhadap kerja, iaitu “memberi harapan kepada orang, memberi keyakinan kepada orang, memberi kegembiraan kepada orang, dan memberi kemudahan kepada orang”.

Li-Ting Sun  
LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.



Kerana saya merasakan kegembiraan dalam kehidupan, iaitu senyuman adalah yang paling penting.

Takashi Yamada  
Kilang Tatsuno



Kegembiraan yang kecil akan menjadi daya penggerak kepada yang seterusnya.

Yuri Imano  
Pejabat Ibadah (Jabatan Bisnes Bahan-Bahan Pemprosesan Tokyo)



Saya ingin mengirimkan ucapan “Terima Kasih” kepada orang ramai.

Hidehisa Karasawa  
Kilang Agatsuma



Jika ada kegembiraan, ia akan terasa lebih bermakna.

Noriyuki Yamagishi  
Cawangan Sapporo



Kerana saya ingin melihat senyuman.

Saori Tsuchida  
TOKYO LINTEC KAKO, INC.



Langkah-langkah untuk membina hubungan yang positif dengan pelanggan adalah dengan mendengar maklumbalas yang diberikan oleh pelanggan.

Tee Yih Long  
LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (MALAYSIA) SDN. BHD.



### Keikhlasan

## Menjadi orang yang memberi

Mari menjadi orang yang boleh memberi semangat “Boleh!” kepada semua orang.

Nattcha Milos  
MADICO, INC.



Saya berbangga menjadi sebahagian daripada salah sebuah syarikat yang bernalih di rantau ini.

Krystal Adachi  
LINTEC OF AMERICA, INC.



Saya mahu menjadi seorang yang mempunyai hati yang lapang.

Nao Kuwaoka  
Kilang Pemprosesan Doi



Kerana saya ingin menjadi orang yang boleh memberi perasaan gembira dan tenang.

Miho Nagase  
Cawangan Hokuriku



Kerana saya ingin berinteraksi dengan hati yang \*Altruistik serta menjadi seorang yang berguna.

Hideaki Nonaka  
PUSAT TEKNOLOGI INA



Saya mendapat kepuasan hati daripada perbuatan memberi kepada orang lain.

Tatsuya Matoi  
Ibu Pejabat Kumamoto



## Kreativiti

## Berfikir dengan sudut pandangan bumi

Untuk berjaya di dunia, adalah penting untuk berfikir secara global.

Francis Zehentmeier  
LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (EUROPE) GMBH



## Kreativiti

## Mengaitkan dengan segala kemungkinan

Adalah penting untuk menjadi pendengar yang baik terhadap pelanggan.

Nguyen Hoang Cuong  
LINTEC VIETNAM CO., LTD.



\* Altruistik: Cara berfikir yang mengutamakan “Kegembiraan orang lain”

## Fleksibel dengan perubahan

Dalam perubahan era yang pantas dan sensitif pada masa kini, saya berfikir bahawa syarikat kami berpotensi untuk menyahut cabaran tersebut.

Shuji Morikawa  
Pengarah



Fleksibel dalam menerima perubahan, mahu memenuhi segala keperluan.

David Lee  
LINTEC PRINTING &  
TECHNOLOGY (TIANJIN)  
CORPORATION

Terus menghadapi cabaran tanpa takut untuk menerima perubahan.

Shusuke Ikarugi  
Ibu pejabat Shingu



Untuk memberi respon kepada proses baru pelanggan dan kualiti yang sepadan.

Gu-kai kai  
LINTEC ADVANCED  
TECHNOLOGIES  
(SHANGHAI), INC.



Dalam perubahan arus persekitaran yang pantas, kami meneruskan kewujudan dan terus membangun dengan tindak balas yang fleksibel.

Wang Nan  
LINTEC (TIANJIN)  
INDUSTRY CO., LTD.



Dengan sentiasa mengembangkan antena, dan meniti arus zaman, marilah kita memikirkan tentang pembangunan besar yang akan datang.

Chen Chun-Liang  
LINTEC HI-TECH  
(TAIWAN), INC.



Untuk terus berupaya mengekalkan kemampuan, hendaklah tidak boleh ketinggalan dalam arus perubahan.

Ruby Ann Lavado  
LINTEC ADVANCED  
TECHNOLOGIES  
(PHILIPPINES), INC.



## Keikhlasan

## Menghargai keluarga dan rakan

Saya berpendapat bahawa asas-asas untuk pembangunan syarikat yang sihat adalah budaya "keikhlasan" dan "menghargai keluarga dan rakan".

Tsunetoshi Mochizuki  
Pengarah Urusan



Saya ingin bekerja dengan saling mempunyai kepercayaan yang kuat dalam perhubungan antara satu sama lain serta mementingkan keharmonian.

Kim Myeong-Jin  
LINTEC SPECIALITY  
FILMS (KOREA), INC.



Kerana ia adalah bekalan yang tidak boleh ada kecacatan, untuk melakukan kerja yang baik pada hari esok.

Shuji Kiryu  
LINTEC SPECIALITY  
FILMS (TAIWAN), INC.



Oleh kerana "Keharmonian dan kepercayaan" adalah sesuatu yang dititikberatkan, saya dapat merasakan keselesaan dan kebanggaan bekerja di syarikat.

Rozlan Bin Osman  
LINTEC INDUSTRIES  
(MALAYSIA) SDN. BHD.



Mempunyai rasa setiaikan adalah asal-usul pengurusan sebuah organisasi.

Mayumi Nojiri  
Cawangan Osaka



Saya merasakan bahawa perpaduan antara kakitangan adalah elemen yang penting.

Afifatul Khoir  
PT. LINTEC JAKARTA



Dengan rakan-rakan sekerja dihubungkan oleh satu jalinan yang kuat.

Kazuki Hiraguchi  
Cawangan Shikoku



Semua rakan dan pelanggan adalah amat dihargai, dengan matlamat bersama-sama dapat bekerja dengan gembira.

Lee Han Na  
LINTEC ADVANCED  
TECHNOLOGIES  
(KOREA), INC.



Keluarga, rakan sekerja, pelanggan, semua orang adalah sahabat yang penting.

Sachihiko Okamura  
Cawangan Hiroshima



# Kegiatan-kegiatan CSR

Benar terhadap keunggulan moto syarikat ini, "Keikhlasan dan Kreativiti", Kumpulan LINTEC berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan semua usaha korporat dihormati sepenuhnya. Di bawah ini adalah laporan mengenai usaha-usaha Kumpulan LINTEC dan mengenai sistem-sistem yang membolehkan idea tersebut diperaktikkan dan dapat memberi sumbangan kepada masyarakat.

## ● Struktur Pentadbiran Korporat


Di LINTEC, dengan menetapkan tempoh penggal jawatan untuk pengarah selama satu tahun, selain dapat menjelaskan tanggungjawab pengarah tersebut, menubuhkan sistem Pegawai Eksekutif, dan memisahkan antara tugas memberi kelulusan dan melaksanakan urusan perniagaan, ia juga telah menghasilkan lembaga pengarah yang lebih proaktif.

Di samping itu, pada mesyuarat agung pemegang saham yang diadakan pada 24 Jun 2015, sebagai salah satu langkah untuk mengukuhkan Sistem penyeliaan lembaga pengarah<sup>\*1</sup>, kami telah beralih menjadi syarikat yang mempunyai jawatankuasa sendiri, seperti audit dan lain-lain.

Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan terdiri daripada seorang yang bertanggungjawab untuk audit dalaman, manakala tiga orang yang ditugaskan untuk audit luaran, telah ditambah kepada 4 orang melalui sistem lembaga pengarah yang baru.

Dengan ini kami menyasarkan untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan korporat.

### Struktur Pentadbiran Korporat



## ● Talian bantuan

Di LINTEC, sebagai medium untuk berunding mengenai masalah kerunsingan di tempat kerja atau masalah pelanggaran peraturan, kami telah mewujudkan talian bantuan (Sistem Laporan Dalam). Untuk membolehkan perundingan dan kajiselidik yang pantas, kami telah menambah medium rundingan yang terdiri daripada peguam pihak ketiga sejak April 2008. Malah, dalam syarikat juga disediakan talian bantuan kepada garis panduan yang disediakan, dan dengan menggunakan mekanisme yang disediakan, masalah dapat dicari dan diselesaikan dengan pantas.

Sejak dari bulan April 2015, dengan menyasarkan syarikat kumpulan yang menguruskan hal luar negara, kami telah menyediakan sistem talian bantuan kumpulan global, yang juga memberi laporan dalam bahasa Inggeris.

## ● Pemerolehan CSR

Kumpulan LINTEC mempunyai 'Polisi Asas Pemerolehan Bahan Mentah LINTEC' dan menyeru semua pelanggan untuk memahami lebih mendalam hal yang merangkumi sudut hak asasi manusia, keselamatan dan kebersihan pekerja, penjagaan kualiti dan keselamatan, keselamatan sekuriti, etika perniagaan dan lain-lain. Pada tahun 2014 juga, kami telah menjalankan soal selidik dengan pembekal, daripada 500 pembekal bahan mentah, kami menyerahkan borang kepada 50 pembekal<sup>\*2</sup>, dan kami telah menerima semua maklumbalas daripada kesemua pelanggan tersebut. Keputusan kaji selidik juga memberi manfaat kepada pembekal, dan penambahbaikan akan diminta jika perlu. Pada tahun 2014, tiada rekod penambahbaikan yang diminta berkenaan perkara-perkara yang terlibat dengan CSR.

Kami akan meneruskan soal selidik bagi mendapatkan situasi sebenar dan memanfaatkan hasil yang kami dapat, dengan memperbaiki sistem pemerolehan.

### Bilangan pembekal

**2,799 buah syarikat**

### Mendapat penilaian yang tinggi di majlis pengumuman keputusan peningkatan kualiti

Suara  
01



**LIN YI CHING**, Timbalan Ketua, Bahagian Pembuatan, LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Untuk memenuhi permintaan daripada pelanggan, kami sebagai pembekal telah menyertai aktiviti QCC<sup>\*2</sup>. Pada aktiviti terakhir, dari kesemua 51 pasukan yang dipilih, 9 pasukan telah memperserbahkan hasil aktiviti mereka. Kami telah berjaya mendapat penilaian yang tinggi di kedudukan keempat.

Daripada perkara yang telah dipelajari, kami akan mempraktikkannya secara berterusan dalam kerja sehari-hari, dan berusaha untuk meningkat taraf kualiti.

\*1 Syarikat Institut Jawatankuasa Audit: Syarikat awam di mana Jawatankuasa Audit yang terdiri daripada lebih daripada 3 orang eksekutif (majoriti eksekutif dari luar syarikat) yang dilantik sebagai ahli jawatankuasa audit melaksanakan audit/penyeliaan terhadap perlaksanaan tugas oleh para eksekutif.

\*2 Kegiatan QCC: Kegiatan Quality Control Circle. Kegiatan di mana kumpulan dipecahkan kepada pasukan kecil, dan secara berterusan mengawasi kualiti produk dan menyelesaikan masalah, serta mengkaji dan melaksanakan langkah-langkah responsif seperti pengekalan kesesuaian, keberkesanan dan naiktarid.


## ● Menghormati hak asasi dan kepelbagaian manusia

Di Kumpulan LINTEC, semua pekerja bertindak di bawah moto syarikat ‘Keikhlasan dan Kreativiti’. Demi memastikan setiap pekerja dapat bekerja dengan bermakna dan adil, kami tidak melakukan diskriminasi berdasarkan kaum, kenegaraan, jantina, agama, kepercayaan, umur

dan lain-lain bagi menghormati kepelbagaian setiap individu<sup>\*3</sup>. Selain itu, Kumpulan LINTEC menyertai ‘UN Global Compact’ yang melarang buruh paksa dan buruh kanak-kanak. Kami berharap untuk terus berkembang dengan setiap pekerja mengiktiraf satu sama lain.

### Status pengambilan pekerja\*

■ Nisbah pekerja yang diambil di luar Jepun




\* Skop: 10 kumpulan syarikat di luar Jepun (mulai 31hb Disember 2014)

\* Pekerja Jepun yang diambil bekerja di tempat sendiri termasuk dalam jumlah pekerja tempatan

\* Pekerja-pekerja Jepun menunjukkan pekerja-pekerja yang dipindahkan dari Jepun

■ Jumlah pekerja mengikut jantina



### Menjalankan latihan memadam kebakaran dengan syarikat-syarikat rakan kongsi

**Suara 02**



**Jin-Hee Kim**, Pengurus, Bahagian Pembuatan, LINTEC KOREA, INC.

LINTEC KOREA, INC., telah menyertai latihan kawad kebakaran yang dilangsungkan pada 31/10/2014. (Us 55, supp 13) Pada latihan kali ini, diandaikan terdapat kebakaran yang terjadi semasa mengendalikan bahan pelarut, latihan berkenaan tindakan awal, pemindahan, aktiviti menyelamat, dan cara memadam api dengan menggunakan alat pemadam api atau pili bomba telah

djalankan. Dalam keadaan hari yang hujan, kesemua yang menyertai telah mengambil bahagian dalam latihan secara proaktif, dengan masing-masing memikirkan tentang kepentingan nyawa sendiri mahupun rakan, dan mereka telah belajar tentang tindakan yang perlu diambil dan membuat keputusan dengan tenang semasa berlakunya sesuatu kecemasan.

**Suara 03**



### Untuk mengukuhkan kerjasama dengan pembekal

**Doreen Sabatino**, Senior PIC pengurusan jualan, Operasi pengurusan jualan, MADICO, INC.

Syarikat MADICO mengadakan hari pembekal untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan pembekal. Juga, kami menyimpan data pembekal untuk mengukuhkan lagi kerjasama dengan pembekal. Pada hari pembekal ketiga yang diadakan pada bulan Mei 2014 yang dihadiri oleh 55 orang dari 42 buah syarikat, kami telah menerangkan strategi perniagaan dan sistem

pengeluaran, serta pengurusan kualiti.

Selain itu, kami juga telah melakukan majlis penganugerahan Anugerah Pembekal, yang meraikan pencapaian satu tahun. Untuk masa hadapan, kami akan mengukuhkan lagi kerjasama dengan pembekal dan akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan.

\*3 Menghormati perbezaan: Dengan menghormati perbezaan antara kita sesama manusia atau antara kumpulan, orang yang layak berada di tempat yang sewajarnya boleh menunjukkan kebolehan seseorang itu, masalah boleh diselesaikan dari pelbagai sudut dan dapat menggalakkan penghasilan idea yang unik.

# Kegiatan-kegiatan CSR

Suara  
04



## Menderma topi pada anak-anak orang Afrika

**Han Yu Ra**, Ketua Jabatan Pengeluaran, LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Kami telah mengambil bahagian dalam acara "Kempen Mengait Topi Bayi" yang dianjurkan pertubuhan bantuan antarabangsa (NGO) Save the Children. Ia adalah satu aktiviti mengait yang dijalankan sebagai usaha untuk menyelamatkan bayi yang baru lahir yang akan mati akibat hipotermia di negara-negara Afrika yang bersuhu tinggi.

Banyak pekerja mengambil bahagian secara sukarela, dan sebanyak 39 keping topi telah berjaya dihasilkan dan telah didermakan kepada anak-anak Afrika.

## ● Polisi Kualiti, Alam Sekitar dan Kesinambungan Perniagaan Kumpulan LINTEC

Kumpulan LINTEC telah menubuhkan Polisi Kualiti, Alam Sekitar dan Kesinambungan Perniagaan Kumpulan LINTEC. Pada dasar ini telah ditambah garis panduan berkenaan kualiti dan alam sekitar, yang mempunyai kesinambungan dengan perniagaan yang dijalankan sebagai persediaan jika berlakunya sesuatu bencana alam atau pandemik<sup>\*1</sup>, dan telah ditambah menjadi isi kandungan untuk memenuhi tanggungjawab sosial dari pelbagai aspek. Dalam bidang alam sekitar, bagi pelepasan CO<sub>2</sub> dan tahap penggunaan elektrik sasaran jangka sederhana telah ditetapkan, dan berlandaskan sasaran-sasaran yang telah dijelaskan itu, sebarang aktiviti berkenaan pemuliharaan alam sekitar adalah digalakkan.

## ● Pengiktirafan Integrasi Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan LINTEC sedang meneruskan untuk mendapatkan pensijilan ISO14001<sup>\*2</sup>. Daripada keputusan yang diperoleh berkenaan audit pembaharuan dan audit penukaran yang telah dijalankan pada November 2014 sehingga Januari 2015, integrasi kilang MADICO, INC. (Amerika) St. Petersburg telah diluluskan. Dengan ini, dengan 10 kilang dalam Jepun, pusat penyelidikan dan TOKYO LINTEC KAKO, INC. kesemuanya telah menjadi 23 tapak. Bermula dari sekarang juga, seluruh Kumpulan bersatu untuk pemeliharaan alam sekitar dan kini terus ke arah pengiktirafan integrasi global ISO14001.

Suara  
05



## Ilmu berkenaan biodiversiti telah dipelajari melalui penyelenggaraan pasu bunga

**Shuifang Yang**, Sekretariat EMS, LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Di LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION, bagi menggalakkan pemahaman pekerja yang berkaitan dengan biodiversiti, kami telah membina batas bunga pada bulan September 2014. Untuk membolehkan semua pekerja menyertai aktiviti penyelenggaraan pasu bunga, pasu-pasu bunga telah diletakkan dalam

tempat bekerja, dan telah dibagikan mengikut bahagian. Sambil menyelenggarakan pasu-pasu bunga tersebut, dengan memerhatikan serangga-serangga yang datang berberangan, peningkatan kesedaran tentang biodiversiti dapat diterapkan.

Suara  
06



## Menggalakkan aktiviti pengurangan kuasa dan sumber

**Daisy Wang**, Ketua, Bahagian Penjagaan Kualiti Produk, LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Di LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION kami telah berusaha untuk menjimatkan tenaga elektrik dan sumber alam sejak November 2013. Contoh aktiviti penjimatkan penggunaan tenaga elektrik yang dijalankan adalah, memadamkan lampu-lampu koridor ketika siang hari, menetapkan suhu bagi penyaman udara pada suhu minimum 28 darjah Celsius pada musim panas dan suhu minimum 23 darjah Celsius pada musim

sejuk. Untuk aktiviti penjimatkan penggunaan sumber alam, dokumen-dokumen diselenggarakan melalui penggunaan medium elektronik (PDF), dan menerapkan pengurangan penggunaan kertas untuk salinan dokumen. Pada masa akan datang juga, pelan-pelan berkenaan menangani pemanasan global akan diteruskan, dan kami akan memberi galakan kepada setiap pekerja untuk menyertai aktiviti yang bersangkutan paut dengan alam sekitar.

\*1 Pandemik: Penyakit berjangkit tersebar secara global.

\*2 Pengiktirafan integrasi global ISO14001: pengiktirafan ISO14001 dengan penggabungan beberapa kawasan perniagaan di seluruh dunia sebagai sebuah organisasi tunggal.


## ● Aktiviti pemeliharaan alam sekitar oleh 12 Syarikat Kumpulan di luar negara

Demi memenuhi tanggungjawab sebagai syarikat global, setiap syarikat di luar negara digalakkan untuk menggiatkan aktiviti pemeliharaan alam sekitar.


**Data Prestasi Alam Sekitar** Data prestasi alam sekitar bagi 12 syarikat di luar negara adalah seperti berikut.

■ Tahun 2014 (tempoh kiraan: 1 Januari 2014 hingga 31 Disember 2014) ■ Tahun 2013 (tempoh kiraan: 1 Januari 2013 hingga 31 Disember 2013)


### Pengeluaran VOC



### Jumlah penggunaan elektrik



### Jumlah penggunaan bahan api (diesel/gas asli) (unit: Crude Oil Equivalent, COE)



Peringatan: 1. VOC (sebatian organik mudah meruap) termasuklah toluene, methyl ethyl ketone.

2. Nilai haba yang terhasil bagi setiap bahan api dalam pengiraan jumlah penggunaan bahan api (COE) adalah menggunakan nilai yang telah ditetapkan dalam perkara 4 Undang-undang Penguatkuasaan Penjimat Tenaga.

3. LSFT: LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC. LATT: LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC. LSFK: LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

### LINTEC (SUZHOU) TECH CORPORATION

Lokasi: Daerah Suzhou Baharu, Jiangsu, China

Jumlah pekerja: 197 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak, bahan pengeluaran dan kertas dan bahan pemproses kertas

Pada tahun 2013, kami telah menyalut cat anti-haba pada permukaan atap bangunan No 1 dan bangunan-bangunan sekitarnya, dan pada April 2014, kami telah menyalut pada dinding dan atap (Luas lantai 400m<sup>2</sup>, tinggi 6m) gedung



Pandangan luaran Gedung bahan-bahan berbahaya bangunan No 2

Zhang Xudong  
Jabatan Kejuruteraan



### LINTEC (TIANJIN) INDUSTRY CO., LTD.

Lokasi: Daerah Nankai, Tianjin, China

Jumlah pekerja: 91 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Penggunaan LED dalam kilang telah diteruskan, sebanyak 30 bahagian yang terdiri daripada bahagian pemprosesan (14 bahagian) dan bahagian pemasangan (16 bahagian) telah ditukar kepada sumber cahaya yang

Jia Jun  
Ibu Pejabat Hal Ehwal Am  
dan Sumber Manusia



Sumber cahaya LED di Kilang Pemasangan



### LINTEC PRINTING & TECHNOLOGY (TIANJIN) CORPORATION

Lokasi: Kawasan Pembangunan Ekonomi dan Teknologi Kebangsaan, Daerah Xiqing, Tianjin, China

Jumlah pekerja: 87 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada Disember 2014, seminar yang melibatkan para pekerja bertopikkan biodiversiti telah diadakan. Melalui penontonan video-video dan gambar-gambar yang berkaitan dengan perkutut yang telah diisytiharkan sebagai salah satu spesis terancam, kepentingan tentang biodiversiti dapat dipelajari.



Seminar biodiversiti

Zhang Kun  
Pejabat Jaminan Kualiti



### LINTEC SPECIALITY FILMS (TAIWAN), INC.

Lokasi: Shanhua, Tainan, Taiwan

Jumlah pekerja: 96 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Bahagian pada relau sistem rawatan gas ekszos telah tersumbat, yang mengakibatkan penurunan efisiensi pada sistem pemanasan, yang menyebabkan peningkatan yang ketara pada penggunaan gas untuk pemanasan. Sebagai langkah drastik, pembinaan dan perjanaan semula material yang terdapat pada bahagian relau telah dijalankan pada November 2014, dan telah berjaya merekodkan penurunan penggunaan sehingga separuh daripada nilai yang sebelumnya.

LIU FANG YUAN  
Naib Pengurus kilang



Rupa luaran mesin pemproses gas



## LINTEC ADVANCED TECHNOLOGIES (TAIWAN), INC.

Lokasi: Kaohsiung, Taiwan

Jumlah pekerja: 70 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Untuk memperkuuhkan sistem penyelenggaraan pengurusan air sisa industri, pada bulan Februari 2015, telah ditambah unit pemprosesan pulangan kemudahan rawatan air sisa yang sedia ada. Di samping

itu, dari bulan April 2015, ia dijangka akan menggantikan lampu pendarfluor berurutan LED lampu di pejabat. Kami akan terus menggalakkan penjimatatan tenaga berterusan pada masa hadapan.



Kemudahan rawatan sisa air

Jiang Dewei  
Jabatan Pengurusan  
Bahagian Kejuruteraan



## LINTEC SPECIALITY FILMS (KOREA), INC.

Lokasi: Pyeongtek, Geonggi, Korea

Jumlah pekerja: 124 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Sekjak November 2014, dengan tujuan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, penghawa dingin dan peti sejuk telah digantikan dari inverter biasa kepada inverter berkeupayaan tinggi. Dengan ini,

pengurangan sebanyak 10% telah berjaya diperolehi daripada kedua-dua pengurangan tersebut, dan dijangkakan dapat mengurangkan lebih kurang 261,000kWh (hampir 1.6 tan CO<sub>2</sub>) setahun.



Inverter berkeupayaan tinggi

MYUNG-JIN KIM  
Jabatan Teknologi Mesin



## LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD.

Lokasi: Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Malaysia

Jumlah pekerja: 93 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

LINTEC INDUSTRIES (MALAYSIA) SDN. BHD. telah menjalankan sesi pembelajaran tentang alam semulajadi di kawasan barat laut Taman Negara di Pulau Pinang pada November 2014. Penerangan mengenai haiwan-haiwan

Tan Lean Ean  
Bahagian Teknologi



Seminar berkenaan Interaksi dengan alam semulajadi di Taman Negara



dan tumbuhan-tumbuhan semulajadi telah diperolehi daripada pihak pengurusan Taman Negara tersebut, dan aktiviti ini adalah peluang terbaik untuk meningkat kesedaran dan pengetahuan tentang biodiversiti.

## LINTEC SINGAPORE PRIVATE LIMITED

Lokasi: Cyberhub, Singapura

Jumlah pekerja: 85 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran juga produk elektronik dan fiber optik

LINTEC SINGAPORE telah memberi derma kepada Tabung Bandar Taman yang dikendalikan oleh Badan Taman Nasional. Pada September 2014, kami telah mengambil bahagian dalam aktiviti menanam pokok yang berkesinambungan

Sng Seng Leng  
Jabatan QA/QC



Senarai pekerja/keluarga yang mengambil bahagian dalam aktiviti menanam pokok



daripada aktiviti kutipan derma tersebut. Sebanyak 25 batang pokok telah ditanam di dalam kawasan Taman Negara. Dengan menyertai pelbagai aktiviti yang dianjurkan, secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran berkenaan kepentingan biodiversiti.

## LINTEC KOREA, INC.

Lokasi: Cheongwon, Chungcheon, Korea

Jumlah pekerja: 72 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Pencahayaan gudang ditukar dari lampu merkuri kepada LED Dengan ini, jumlah penggunaan tenaga elektrik bagi tujuan pencahayaan gudang disasarkan pengurangannya sehingga 1/4 dari jumlah



Pencahayaan LED dalam premis syarikat

JAE-HYUB KIM  
Bahagian Kejuruteraan



penggunaan asal. Selain itu, ia juga berkait rapat dengan penambahbaikan kawasan bekerja. Pada masa akan datang kami akan terus mengaplikasikan pengurangan penggunaan tenaga.

## PT. LINTEC INDONESIA

Lokasi: Bogor, Jawa Barat, Indonesia

Jumlah pekerja: 312 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada bulan Mei 2014, kami menanam pokok di dalam premis pejabat. Selain itu, terdapat juga penyertaan daripada Bahagian Keselamatan Kawasan Syarikat, yang menyumbang kepada terbentuknya satu kumpulan besar LINTEC, dan menjadi



Keadaan tumbuh-tumbuhan

Ketut  
Bahagian keselamatan  
alam sekitar



pemungkinan dan galakan kepada aktiviti pemuliharaan alam sekitar. Pada masa akan datang kami juga akan menghargai konsep ini, dan meneruskan aktiviti pemuliharaan alam sekitar.

## LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD.

Lokasi: Kuching, Sarawak, Malaysia

Jumlah pekerja: 24 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk elektronik dan fiber optik

Dalam LINTEC INDUSTRIES (SARAWAK) SDN. BHD., kerana ia adalah sebuah kilang yang kecil, adalah mudah untuk meneliti sehingga ke tempat-tempat yang terselindung dari pandangan mata kasar, sambil



Menguatkuasakan pengasingan sampah sarap

Christina Teo  
Sektor Pengurusan  
Kewangan



memberi galakan untuk pemuliharaan alam sekitar sehingga ke tempat-tempat tersebut. Pada masa akan datang juga, kami akan meneruskan aktiviti pemuliharaan alam sekitar ini berdasarkan konsep 3R (Mengurangkan, Mengguna semula, Kitar semula)

## MADICO, INC.

Lokasi: Woburn, Massachusetts

Jumlah pekerja: 272 pekerja

Bisnes utama: pembuatan dan jualan produk berkaitan bahan pencetak dan bahan pengeluaran

Pada tahun 2014, untuk mengurangkan penggunaan pita pelekat dan pelarut organik, sistem dos cecair baru telah diperkenalkan di Kilang Filem Tingkap MADICO, INC.



St. Petersburg. Di samping itu, kami juga telah membaik pulih mesin penyulut, yang memberi pengurangan sebanyak 76kℓ setahun.

John Storms  
Jabatan Kejuruteraan  
St. Petersburg



Melakukan penambahbaikan pada mesin penyulut dengan melakukan proses khas untuk membuang lebihan bahan penyulut pada mesin tersebut

\* Jumlah pekerja adalah pada tarikh 31/12/2014.

# Pendapat Pihak Ketiga

**Hiroyuki Tada**

Japan for Sustainability

Ketua Pengarah NPO, Japan for Sustainability, profesor pelawat di Universiti Hosei, profesor di Sekolah Siswazah Pengajian Alam Sekitar di Universiti Tohoku, dan ahli jawatankuasa dalam pelbagai agensi kerajaan.



Berkenaan pelan jangka sederhana baru:LIP-2016, kepentingan isu 'perkembangan global' dan 'penghasilan produk baharu yang inovatif' telah dipetik dari awal lagi, dan kemudiannya diceritakan bagaimana sumbangan dapat diberikan dengan terperinci, dari sini saya dapat katakan CSR LINTEC adalah berada di tahap genting. Jadi, di sini saya telah menulis berdasarkan pandangan pihak ketiga pada tahun lepas tentang bagaimakah cara kita boleh menyumbang secara khusus. Dalam mencapai pembangunan global yang lebih agresif pada masa hadapan, kita telah menunjukkan bahawa cara pengukuhkan syarikat melalui cara pengurusan secara korporat adalah penting.

Jika anda membenarkan saya membaca laporan yang dikeluarkan pada tahun ini, pada bahagian mesej telah disebutkan "2014 fokus fiskal ke atas peningkatan sistem tadbir urus". Secara khususnya, penuhuhan ibu pejabat serantau di Asia, peralihan kepada Audit, dan penganjuran sesi kajian berkenaan CSR telah dipraktikkan oleh syarikat-syarikat tersebut. Tambahan pula, sepertimana disebutkan di atas, kami telah melakukan Globalisasi Helpline, dan dalam tempoh setahun, sebanyak 98 kali sesi seminar berkenaan CSR telah diadakan, dan seramai 3,210 orang telah menyertai program tersebut.

## Respons kepada Pendapat Pihak Ketiga

Kami telah menerima kata-kata nasihat daripada En. Tada semenjak tahun fiskal 2012 lagi. Kami menghargai pemahaman beliau mengenai kegiatan CSR kami berdasarkan kepada moto syarikat 'Keikhlasan dan Kreativiti' yang juga merupakan pendekatan pengurusan saya. Atas usaha yang dilakukan untuk berkongsi [LINTEC WAY] seperti dengan melalui peluang-peluang dari seminar CSR yang diadakan, penerimaan para pendengar yang terdiri daripada para pekerja adalah sangat penting, dan dengan pelaksanaan aktiviti yang berterusan, saya percaya ia selanjutnya akan memupuk perpaduan antara satu sama lain.

Selain itu, proses penetapan materialiti sedang berada di titik permulaannya, dan dalam aktiviti kali ini, saya fikir dengan perlaksanaan KPI dan lain-lain, penghasilan mekanisma yang dapat memutarkan kitaran PDCA secara efektif hendaklah dilaksanakan. CSR yang mempunyai [Kepatuhan] melalui integriti sedang berkembang.

### Nota Editor

Mesej Presiden adalah untuk menggalakkan aktiviti CSR dengan moto syarikat "Keikhlasan dan Kreativiti", demi masyarakat dan rakyat. Selain itu, rencana 1 menyatakan tentang apa yang difikirkan oleh pekerja LINTEC dan syarikat Kumpulan LINTEC tentang LINTEC WAY. Rencana 2

memperkenalkan bengkel kerja yang diadakan untuk membincangkan tentang hala tuju LINTEC sehingga 2025. Semua pekerja akan bersama-sama untuk meneruskan kegiatan CSR untuk menangani isu sosial.

Sambil mendengar suara pihak yang berkepentingan, semangat "Integriti" yang merupakan DNA syarikat ini telah dicapai, dengan mengambil langkah-langkah yang diamalkan secara berterusan, yang membuatkan saya kagum dengannya. Puncak [Integriti] adalah [Kepercayaan] Jika terdapat satu pendekatan yang konsisten, seperti yang dapat dilihat dalam Rencana 1, saya rasa setiap individu dalam dunia ini bercakap tentang pemikiran "LINTEC WAY" dalam perkataan mereka sendiri.

Saya berasa bahawa penetapan materialiti juga adalah pencapaian yang besar dalam tahun fiskal 2014, dan satu langkah maju ke hadapan yang g hebat. Langkah ini akan besar kemungkinan membawa kepada pembangunan sistematik kuantifikasi kemasyarakatan, yang jika dibandingkan dengan indeks persekitaran sehingga kini agak lambat pengkuantifikasianya, dan kitaran PDCA kemasyarakatan juga diharapkan akan bertambah lancar.

Jika kita mengalihkan pandangan kepada "CSR Ofensif", saya berasa bahawa keyakinan bahawa CSR boleh bertindak sebagai enjin kepada inovasi yang wujud di syarikat ini. Oleh sebab itu, ini juga berkait rapat dengan pembukaan bengkel-bengkel yang kita dapat lihat pada Rencana 2. Pada masa akan datang, jika kerjasama luar dari pelbagai aspek antara pemegang saham menjadi lebih intensif, saya berharap sayap [pembuatan] syarikat dapat dikembangkan. Ini pasti membawa kepada penghasilan produk baru yang inovatif.

Dalam 6 elemen-elemen asas CSR, pengurusan korporat dan pelanggan hendaklah dihimpunkan sekali. Pentadbiran adalah melibatkan sudut dalam ESG (Alam sekitar, masyarakat, Tadbir urus), dan pelanggan LINTEC telah meningkat kepada 2,799 syarikat. Saya ingin menegaskan perkara ini sehingga ke akhirnya.

Penggalakan CSR adalah menyumbang dalam membentuk perniagaan yang lancar, dan saya fikir ada banyak aktiviti-aktiviti yang berkait rapat dengan CSR yang berhasil dari pembuatan. Untuk menjadikan CSR aktiviti sebagai enjin kepada inovasi, saya mencadangkan supaya bengkel-bengkel untuk CSR dijalankan secara proaktif.

Kami akan terus berusaha untuk menerapkan dan melaksanakan elemen-elemen asas CSR seiring dengan perubahan dalam masyarakat.

Dengan memperkuatkan dan menggalakkan syarikat-syarikat dengan elemen-elemen asas CSR dari sekarang, LINTEC mensasarkan untuk membentuk syarikat yang akan bernilai serta diyakini oleh semua pihak.

**Hiroyuki Nishio**

Pengarah Wakil, Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi



[Laporan CSR Kumpulan LINTEC 2015] Ahli-ahli projek pengeluaran